

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

COVID-19 dijangka masuk fasa endemik akhir Oktober

Sasaran dicapai jika kadar imuniti kelompok negara capai 80 peratus

Oleh Rafidah Ruzki dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: COVID-19 di negara ini dijangka memasuki fasa endemik mulai akhir Oktober ini apabila kadar imuniti kelompok negara di harap sudah mencapai 80 peratus, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

Ketika ini, Labuan dan Sarawak sudah mencapai fasa endemik, selaras dengan negara lain yang kebanyakannya sudah beralih ke fasa endemik dan pengenalan norma baharu untuk hidup dengan lebih sihat serta selamat.

Beliau berkata, rakyat Malaysia perlu menerima hakikat bahawa sekalipun negara berjaya mengawal pandemik, semua pihak perlu menerima kenyataan bahawa akan tiba masanya nanti COVID-19 menjadi endemik.

Berikutan itu, semua pihak perlu mengambil langkah untuk hidup bersama virus, termasuk mengambil beberapa tindakan seperti perubahan kepada ting-

kah laku dan usaha mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) berterusan.

Langkah itu akan membolehkan pelbagai sektor dalam negara dibuka dan kehidupan penduduk negara ini dapat kembali berfungsi seperti sedia kala dalam norma baharu.

"Kerajaan akan mengumumkan beberapa langkah untuk memudahkan SOP sedia ada supaya tidak terlalu banyak dan rumit supaya ada senarai jelas dan mudah difahami, supaya sama-sama dapat dipraktikkan.

"Sebagai persediaan untuk hidup bersama COVID-19, tindakan-tindakan berikut perlu dilakukan oleh seluruh masyarakat iaitu mengamalkan norma baharu.

"Pemakaian pelitup muka akan diteruskan dan KKM tidak mempunyai perancangan untuk melonggarkan keperluan pemakaian pelitup muka. KKM mengambil iktibar terhadap kelonggaran pemakaian pelitup yang diberikan di sesetengah negara yang kemudian terpaksa dilaksanakan semula selepas berlaku penularan varian baharu," katanya pada sidang media pertamanya sebagai Menteri Kesihatan, semalam.

Yang turut hadir Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor

Hisham Abdullah dan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr Chong Chee Kheong.

Khairy juga menjelaskan bahawa KKM akan membekalkan lebih banyak data terperinci berkaitan COVID-19 kepada umum bermula minggu hadapan bagi meningkatkan lagi ketelusan Kementerian itu dalam pemberian maklumat.

Data berkenaan akan disiarkan secara terbuka supaya orang ramai dapat melihat lebih banyak data berbanding yang dibekalkan KKM ketika ini.

"Saya sudah buat ketetapan supaya budaya kerja di KKM selepas ini lebih kepada ketelusan supaya soal kepercayaan kepada kerajaan dan maklum balas KKM kepada pandemik ini, tiada lagi tuduhan kerahsiaan atau tembok maklumat yang tidak dapat diperoleh daripada kerajaan," katanya.

Dalam pada itu, KKM juga akan memberi tumpuan kepada lima negeri yang mencatat penularan tinggi kes jangkitan dalam proses vaksinasi dan aspek pengukuhan kesihatan awam. Lima negeri berkenaan adalah Sabah, Johor, Kedah, Pulau Pinang dan Kelantan.

"Negeri ini bukan hanya akan

menerima bekalan vaksin yang lebih tinggi tetapi juga sudah memulakan proses pemindahan tenaga kerja dan set perubahan daripada negeri yang tidak lagi memerlukan set dan tenaga kerja berlebihan.

"Ini adalah usaha untuk memastikan kes harian dan bilangan mereka yang terpaksa dimasukkan ke hospital atau mengalami gejala serius serta kes kematian dapat dikurangkan di negeri itu dan untuk seluruh negara," katanya.

Mengenai jangkitan COVID-19 semalam, Khairy berkata, kes baharu mencatatkan sedikit penurunan semalam, iaitu 18,762 berbanding lebih 20,000 kes kelmarin menjadikan jumlah keseluruhan kes akibat wabak itu di negara ini adalah sebanyak 1,765,016 kes.

Selangor kekal mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu sebanyak 3,711 kes, diikuti Sabah (2,430 kes), Sarawak (2,414 kes), Johor (1,993 kes), Pulau Pinang (1,762 kes), Kedah (1,585 kes) dan Kelantan (1,504 kes).

Sembilan lagi negeri mencatatkan kes di bawah 1,000 kes iaitu Perak (899 kes), Pahang (715 kes), Kuala Lumpur (573 kes), Terengganu (506 kes), Melaka (309 kes), Negeri Sembilan (291 kes), Putrajaya (34 kes), Perlis (33 kes) dan Labuan (tiga kes).

Beliau berkata, 278 kes kematian dicatatkan yang mana 65 adalah kematian di luar fasiliti kesihatan (BID).



Khairy Jamaluddin

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19

Status merosot dalam 24 jam

KKM fokus kurangkan kes BID didapati berubah dari tahap 1 ke tahap lima dalam masa singkat

Oleh Suraya Roslan dan Hafidzul Hilmi Mohd Noor am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kebanyakan pesakit Covid-19 brought in dead (BID) hanya mengambil masa 24 jam untuk bertukar status dari kategori satu dan dua ke kategori lima.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata, penekanan Kementerian Kesihatan (KKM) ketika ini adalah untuk mengurangkan kes BID



“Kita dapati beberapa kes BID berlaku sangat cepat iaitu dalam tempoh 24 jam sahaja”
Khairy

yang akan diberi fokus segera.

“Kita dapati sebahagian daripada mereka yang dilaporkan BID adalah mereka pada awalnya berada dalam kategori satu dan dua, tetapi dalam tempoh singkat masuk ke kategori lima.

“Malah, kita dapati beberapa kes BID berlaku sangat cepat iaitu dalam tempoh 24 jam sahaja,” katanya dalam sidang media perkembangan harian Covid-19 di Putrajaya, semalam.

Khairy berkata, kawalan

kendiri perlu dilaksanakan dan mereka yang mengalami kemerosotan kesihatan tanpa sebarang gejala perlu mendapatkan rawatan segera di hospital.

“Bagi mereka yang diuji positif, kuarantin di rumah, tiada simptom atau hanya gejala ringan perlu sentiasa peka dengan kesihatan diri.

“Antaranya demam berpanjangan, kesukaran bernafas, sakit dada, tiada selera makan dan minum, kelesuan bertambah teruk, perubahan status mental se-

perti kurang tahap sedar, kekeliruan, batuk, muntah, cirit birit yang semakin teruk, kurang kecing, bibir atau jari kebiruan serta ketepuan oksigen kurang 95 peratus diminta segera menghubungi Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) atau talian kecemasan 999,” katanya.

Menurutnya, isu berkenaan BID akan disentuh beberapa hari lagi dengan data lengkap merangkumi dari mana BID datang, kumpulan usia, komorbiditi dan mempunyai sejarah vaksin atau tidak.

Bersemangat lontar laungan merdeka



PETUGAS Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Utara (PKD SPU) melautkan ‘Merdeka’ sebelum memulakan tugas di Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) PKD SPU, Sungai Dua di sini. Walaupun bertugas ketika cuti umum sempena Hari Kebangsaan, sambutan tetap dilakukan secara sederhana. Selain menaikkan Jalur Gemilang serta nanyian lagu Negaraku, pakaian peralatan pelindung diri (PPE) bertulis slogan kemerdekaan serta pelindung muka seakan-akan tanjak. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

Fasa endemik hujung Oktober

Kuala Lumpur: Negara dijangka memasuki fasa endemik Covid-19 pada penghujung Oktober ini selepas 80 peratus penduduk menerima dos lengkap vaksin.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata, pihaknya menjangkakan tempoh dua bulan akan datang rakyat negara ini perlu hidup dengan virus berkenaan.

“Jika dilihat di Labuan dan Sarawak, mereka sudah berada di fasa endemik, jadi saya boleh kata peralihan pandemik kepada endemik

di negara ini pada penghujung Oktober ini.

“Kita perlu mula melihat untuk hidup dengan virus ini,” katanya pada sidang media di Putrajaya, semalam.

Khairy berkata, sekalipun berjaya mengawal pandemik namun orang ramai perlu bersedia untuk menerima kenyataan bahawa akan tiba masanya Covid-19 menjadi endemik.

“Oleh itu, kita mesti mengambil langkah-langkah untuk hidup bersama virus ini,” katanya.

Jangkitan baharu turun kepada 18,762

Kuala Lumpur: Jumlah kes baharu Covid-19 semalam mencatatkan penurunan kepada 18,762 kes berbanding 20,897 kes direkodkan kelmarin.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata, rekod terbaharu itu menjadikan kumulatif kes keseluruhan di Malaysia setakat ini kepada 1,765,016 kes.

“Sebanyak 265,274 kes aktif dilaporkan manakala jumlah kes sembuh yang dilaporkan pada hari ini pula ialah 21,037.

“Kes yang memerlukan ra-

watan di Unit Rawatan Rapi (ICU) adalah sebanyak 1,007 kes di mana 464 kes memerlukan bantuan pernafasan,” katanya pada sidang media, semalam.

Khairy berkata, 278 kes kematian dilaporkan, 65 daripadanya adalah kes kematian di luar hospital (BID).

“KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin Covid-19 supaya terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan,” katanya.

Perjelas persoalan kes harian, kadar kematian

Kuala Lumpur: Buat pertama kali Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin menjelaskan persoalan ramai mengapa kes harian Covid-19 dan kadar kematian masih tinggi sedangkan kadar liputan vaksinasi Covid-19 juga tinggi.

Menurutnya, Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) dimulakan pada 24 Februari 2021 sebagai salah satu langkah untuk mengawal pandemik Covid-19.

“Sehingga 31 Ogos 2021, 84.3 peratus populasi dewasa menerima satu dos vaksin Covid-19 manakala 64.2 peratus populasi dewasa menerima dos lengkap.

“Kadar liputan imunisasi Covid-19 bagi populasi dewasa mendapat sekurang-kurangnya satu dos vaksin di beberapa negeri seperti di Lembah Klang, Negeri Sembilan, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan melebihi 90 peratus manakala lebih 75 peratus populasi dewasa menerima dos lengkap,” katanya dalam sidang media perkembangan Covid-19 di Putrajaya, semalam.

Menurutnya, bagi negeri lain, aktiviti pemberian vaksin dipertingkatkan dan Kementerian Kesihatan (KKM) menasihatkan 80 peratus populasi dewasa menerima dos lengkap vaksin Covid-19 pada akhir Oktober 2021.

“Peningkatan kes mendedak direkodkan bermula awal Julai 2021 (minggu epidemi ke-26) terutamanya di Wilayah Persekutuan Labuan, Lembah Klang dan Negeri Sembilan.

“Situasi ini selari dengan peningkatan kes jangkitan varian Delta di seluruh du-



Situasi ini selari dengan peningkatan kes jangkitan varian Delta di seluruh dunia termasuk di Malaysia”

Khairy

nia termasuk di Malaysia,” katanya.

Menurutnya, mengambil kira situasi ketika itu, kerajaan membuat keputusan untuk mempertingkatkan pemberian vaksin Covid-19 di beberapa negeri berkenaan bagi mengurangkan kes jangkitan teruk dan kematian akibat Covid-19.

“Langkah ini bagi mengurangkan beban keupayaan fasiliti kesihatan termasuk penggunaan katil di Unit Rawatan Rapi (ICU) dalam merawat Covid-19 untuk memastikan fasiliti kesihatan khususnya di negeri berkenaan kekal berfungsi pada tahap optimum.

“Perlu diingatkan, individu yang menerima vaksin Covid-19 masih berisiko mendapat jangkitan Covid-19 dan boleh menjangkiti orang lain tanpa mereka sedari.

“Keberkesanan vaksin juga tidak dapat ditunjukkan dengan serta merta.

“Keberkesanan vaksin yang optima dalam bertindak balas dan melindungi penerima vaksin mengambil masa sekurang-kurangnya dua minggu selepas dos kedua bagi vaksin yang memerlukan dua dos atau 28 hari selepas mengambil vaksin dos tunggal,” katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19

Kota Kinabalu: Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) mengakui Sabah kini berdepan gelombang Covid-19 yang serius.

Pengarahnya, Dr Rose Nani Mudin berkata, berikutan itu, beberapa hospital mengambil langkah tambahan untuk meningkatkan kapasiti merawat pesakit Covid-19.

Beliau berkata, Hospital Duchess Of Kent, Sandakan

Hospital di Sabah buka lebih banyak wad

antara yang mengambil langkah proaktif dengan membuka lebih banyak wad bagi menampung pesakit Covid-19 yang memerlukan oksigen.

"Wad perempuan perubatan Hospital Duches Of Kent yang mempunyai 38 katil dijadikan wad Covid-19.

"Hospital berkenaan

mempunyai 166 oksigen port dan 42 tangki oksigen yang mempunyai kapasiti 3,000 liter dan 6,000 liter.

"Bagi menampung keperluan oksigen di hospital berkenaan, 10 tangki oksigen dari Hospital Kinabatangan dan 20 tangki oksigen dari Hospital Beluran turut dihantar ke sana," katanya da-

lam kenyataan, semalam.

Dr Rose Nani berkata, Sabah sudah mencapai sasaran 40 peratus penduduk dewasa lengkap vaksin Covid-19 manakala 59.1 peratus penduduk menerima satu dos vaksin.

Katanya, usaha diteruskan untuk memastikan semua penduduk dewasa di

negeri itu mendapatkan suntikan vaksin.

"Berdasarkan data JKNS, 80 peratus hingga 90 peratus pesakit Covid-19 yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) adalah belum divaksin.

"Sehubungan itu, untuk mengurangkan kadar kematian, setiap individu per-

lu menerima vaksin.

"Seperti dimaklumkan sebelum ini, JKNS sentiasa menyeru semua penduduk Sabah supaya mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan mendapatkan suntikan vaksin bagi mengurangkan risiko jangkitan serius Covid-19," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : COVID-19

Semua negeri capai nilai ambang 40 peratus

Kuala Lumpur: Semua negeri berjaya mencapai nilai ambang 40 peratus populasi dewasa lengkap divaksinasi setakat kelmarin.

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin Covid-19 (JKJAV) berkata, pencapaian itu sejajar dengan sasaran ditetapkan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN).

"Sehingga 31 Ogos 2021, semua negeri berjaya mencapai nilai ambang 40 peratus populasi dewasa lengkap divaksinasi yang disasarkan dalam Pelan Pemulihan Negara.

"Tahniah Malaysia dan ayuh teruskan usaha ini," kata JKJAV dalam kenyataan di Facebook, semalam.

JKJAV turut kemas kini data kadar vaksinasi negara iaitu 64.2 peratus atau 15,032,301 individu daripada populasi dewasa negara ini melengkapkan suntikan vaksin Covid-19 setakat kelmarin.

"Seramai 19,741,754 individu atau 84.3 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos.

"Ini menjadikan jumlah kumulatif pemberian vak-

sin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) setakat semalam (kelmarin) 34,752,340 dos," katanya.

Menurut JKJAV, 60.5 peratus daripada jumlah populasi negara mendapat sekurang-kurangnya satu dos vaksin manakala 46.0 peratus melengkapkan vaksinasi.

Vaksinasi harian kelmarin merekodkan 261,768 dos dengan 115,473 adalah dos pertama manakala 146,295 melengkapkan penerimaan dos.

Pantai Kempadang kembali beroperasi



MUHAMMAD Sufi Idham Yusup Zaki, 20, meletakkan kod QR MySejahtera pada kenderaan ubah suai kereta api ATV di Pantai Kempadang, Kuantan, semalam yang kembali dibuka kepada orang awam.

KES DI PULAU PINANG

70 peratus kluster kilang

Oleh Nur Izzati Mohamad
am@hmetro.com.my

Georgetown

Sebanyak 70 peratus daripada keseluruhan kes Covid-19 direkodkan di Pulau Pinang setakat ini berpunca daripada tempat kerja terutama sektor perkilangan dan industri.

Perkara itu didedahkan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Norlela Ariffin di sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) Pulau Pinang, di sini, semalam.

Beliau berkata, ia berdasarkan laporan siasatan dijalankan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang men-

dapati kluster tempat kerja khususnya sektor perkilangan adalah punca utama peningkatan wabak itu.

"Analisis dijalankan pakar Matematik dari Stanford, Dr David Benjamin Lim turut mendapati 70 peratus daripada jumlah keseluruhan 8,668 kes direkodkan dalam tempoh ini berpunca dari tempat kerja.

"Sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dari 1 Jun hingga 14 Julai lalu, 6,222 kes daripada 9,668 kes direkodkan di negeri ini berpunca daripada kluster tempat kerja terutama sektor perkilangan dan industri," katanya.

Menurutnya,

antara punca jangkitan menjurus penempatan pekerja warga asing apabila berlaku percampuran antara lebih 10 kilang dalam satu kawasan atau asrama pekerja.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Penanti berkata, di samping itu, fasiliti kediaman atau rumah untuk pekerja menjalani kuarantin didapati tidak sesuai dan jumlah penghuni melebihi kapasiti dihadkan hingga menyebabkan berlaku peningkatan jangkitan.

Menurutnya, sehingga 28 Ogos lalu, 246 kilang di

Pulau Pinang diarah tutup selepas dikesan berlaku kes jangkitan Covid-19.

Sejak PKP 3.0 dari 1 Jun hingga 14 Julai, 6,222 kes direkodkan daripada kluster tempat kerja

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

SOP Covid-19 baharu fasa endemik akan diumumkan tidak lama lagi Pelitup muka tetap wajib – KJ

Oleh PETAH WAZZAN ISKANDAR

PUTRAJAYA – Kerajaan akan mengumumkan prosedur operasi standard (SOP) Covid-19 baharu supaya ia mudah difahami dan tidak merumitkan dalam mempraktikkannya apabila fasa endemik dilaksanakan tidak lama lagi.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, kerajaan dan rakyat perlu menerima hakikat bahawa norma baharu menjadi sebahagian kehidupan baharu semua rakyat di negara ini.

Katanya, walaupun semua sudah divaksin, namun rutin kehidupan semua perlu berubah dalam membolehkan lebih banyak sektor dapat dibuka, manakala kehidupan kembali seperti sedia kala.

"Biar pun langkah baharu akan diumumkan tetapi Kementerian Kesihatan (KKM) tiada perancangan melonggarkan pemakaian pelitup muka kerana berdasarkan pengalaman negara lain yang melonggarkannya terpaksa menguatkuasakannya semula susulan kemunculan varian baharu.

"Selain itu, kerajaan akan menggandakan usaha imunisasi dalam kalangan penduduk di negara ini bagi memastikan seramai mungkin mendapat vaksin dalam usaha mengurangkan risiko yang lebih teruk," katanya dalam sidang akhbar pertamanya di Ibu Pejabat KKM di sini semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor



KERAJAAN bakal mengumumkan SOP baharu bagi persediaan untuk hidup bersama Covid-19 atau fasa endemik. – GAMBAR HIASAN



KHAIRY JAMALUDDIN

Hisham Abdullah.

Khairy berkata, pihak KKM akan mempertingkatkan ketelusan dengan mempamerkan

maklumat data penuh kepada orang ramai bagi membolehkan semua pihak dapat mengaksesnya.

"Bermula minggu hadapan, semua data akan dipamerkan dan kali ini, data yang diberikan adalah melebihi data yang sedia ada seperti yang dipamerkan selama ini.

"Ini bagi memastikan tiada tuduhan bahawa KKM menyembunyikan fakta dan melindungi kerahsiaan melibatkan Covid-19," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, lima negeri iaitu Sabah, Johor, Kedah, Pulau Pinang dan Kelantan yang sedang berdepan penularan Covid-19 yang tinggi

akan diberi tumpuan segera dalam proses vaksinasi dan aspek pengukuhan kesihatan awam.

"Negeri ini bukan hanya akan menerima bekalan vaksin yang lebih tinggi tetapi juga sudah memulakan proses pemindahan tenaga kerja dan set perubatan daripada negeri yang tidak lagi memerlukan set dan tenaga kerja berlebihan," katanya.

Selain itu, katanya, kerajaan akan melaksanakan kawalan harga melalui penetapan harga siling bagi ujian saringan Covid-19 Rapid Test Kit Antigen (RTK-Antigen) selepas perkara itu diputuskan dalam mesyuarat Kabinet semalam.

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	18,762
Import:	5
Tempatan:	18,757
Pulih	21,073
Kematian	278
Masih dirawat	265,274
Jumlah kes sembuh	1,482,800
Jumlah Kematian	16,942
Jumlah kes keseluruhan	1,765,016

Kes turun bawah 20,000

PUTRAJAYA – Sebanyak 18,762 kes baharu dilaporkan semalam menjadikan jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 1,765,016 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor merekodkan sebanyak 3,711 kes, diikuti Sabah sebanyak 2,430 kes dan Sarawak sebanyak 2,414 kes.

"Seterusnya, Johor (1,993 kes), Pulau Pinang (1,762 kes), Kedah (1,585 kes), Kelantan (1,504 kes), Perak (899 kes), Pahang (715 kes), Kuala Lumpur (573 kes), Terengganu (506 kes), Melaka (309 kes) dan Negeri Sembilan (291 kes).

"Putrajaya pula (34 kes), Perlis (33 kes) dan Labuan (tiga kes)," katanya dalam hantaran di Facebook semalam.

Dalam pada itu, sebanyak 278 kes kematian baharu dilaporkan semalam menjadikan jumlah kumulatif kematian setakat ini sebanyak 16,942 kes.

Terdapat 265,274 pesakit yang masih diasingkan termasuk 1,007 individu yang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan 464 memerlukan bantuan alat pernafasan.

Seramai 21,073 pesakit sembuh dengan jumlah keseluruhan pulih sebanyak 1,482,800.

Sementara itu, 15,032,301 individu atau 64.2 peratus daripada populasi dewasa negara ini telah melengkapkan suntikan vaksin Covid-19 setakat semalam.

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV) menerusi perkongsian infografik di Twitter rasminya semalam, memaklumkan seramai 19,741,754 individu atau 84.3 peratus telah menerima sekurang-kurangnya satu dos.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Kes baharu Covid-19 catat penurunan

Sejumlah 18,762 kes direkodkan dengan Selangor juga catat penurunan kepada 3,711 kes

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN

SHAH ALAM

Kes harian baharu Covid-19 di negara ini mencatatkan penurunan dengan 18,762 kes dilaporkan pada Rabu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini adalah sebanyak 1,765,016 kes.

"Selangor melaporkan 3,711

kes, diikuti Sabah (2,430), Sarawak (2,414), Johor (1,993), Pulau Pinang (1,762), Kedah (1,585) dan Kelantan (1,504).

"Perak (899), Pahang (715), Kuala Lumpur (573), Terengganu (506), Melaka (309), Negeri Sembilan (291), Putrajaya (34), Perlis (33) dan Labuan (tiga)," katanya dalam di Facebook pada Rabu.

Dalam pada itu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, daripada jumlah tersebut, 18,757 daripadanya adalah kes tempatan manakala lima lagi kes import membabitkan tiga warganegara dan dua warga asing.

Menurutnya, sebanyak 21,073 kes sembuh direkodkan menjadikan jumlah keseluruhan individu



DR NOOR HISHAM



KHAIRY JAMALUDDIN

sembuh daripada Covid-19 kini mencecah 1.4 juta.

"Kes aktif dengan kebolehan jangkitan sebanyak 265,274, manakala kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU) ialah 1,007 orang," katanya.

Khairy berkata, terdapat 278 kes kematian baharu di mana 65 daripadanya adalah kes mati ketika dibawa

'Tiada kes kematian akibat vaksinasi Covid-19'

SHAH ALAM - Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menegaskan bahawa setakat ini tiada kes kematian yang dikaitkan secara langsung dengan vaksinasi Covid-19.

"Sehingga hari ini (Rabu), saya ingin menegaskan bahawa tidak ada satu pun kes kematian yang telah menunjukkan kaitan langsung dengan vaksinasi.

"Tetapi untuk melegakan hati rakyat, saya telah berbincang dengan Ketua Pengarah Kesihatan, kita akan keluaran data minggu depan," katanya pada sidang akhbar secara dalam talian pada Rabu.

Khairy berkata, sehingga Selasa, sebanyak 84.3 peratus populasi dewasa telah pun menerima dos pertama, manakala 64.2

peratus lagi lengkap dua dos vaksin Covid-19.

"Di beberapa negeri seperti Lembah Klang, Negeri Sembilan, Sarawak dan Labuan, kita dapat lihat kadar populasi dewasa yang mendapat dos pertama melebihi 90 peratus, manakala lebih 75 peratus lagi sudah lengkap dua dos vaksin.

"Bagi negeri lain, aktiviti pemberian vaksin sedang dipertingkatkan dan kita menyasarkan 80 peratus daripada populasi dewasa akan menerima dos lengkap vaksin pada akhir Oktober ini," ujar Khairy.

Malaysia juga katanya, dijangka memasuki fasa endemik Covid-19 pada Oktober ini.

Bagaimanapun, katanya, masyarakat perlu menerima hakikat untuk hidup bersama virus itu meskipun negara berjaya mengawal pandemik Covid-19.

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

KKM tingkatkan tahap ketelusan data Covid-19

SHAH ALAM - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membuat ketetapan untuk meningkatkan tahap ketelusan Kementerian itu dalam mengeluarkan data dan maklumat tambahan kepada orang ramai berhubung Covid-19.

Menteri Kesihatan, Khairy

Jamaluddin Abu Bakar berkata, ia untuk memastikan tiada lagi dakwaan bahawa Kementerian berkenaan merahsiakan data yang diperolehi.

"Kami akan mengeluarkan pelbagai data secara terperinci bermula minggu hadapan dan ini adalah 'granular data' yang akan

disediakan secara terbuka kepada semua untuk melihat lebih daripada data-data yang dibekalkan.

"Ia bagi mewujudkan kepercayaan rakyat kepada kerajaan, tiada lagi kerahsiaan atau pemalsuan maklumat," katanya.

Khairy berkata, pihaknya akan memberikan tumpuan dari

segi proses vaksinasi dan penguatkuasaan kesihatan awam kepada beberapa negeri yang mencatatkan penularan kes tinggi.

Antara negeri tersebut ialah Sabah, Johor, Kedah, Pulau Pinang dan Kelantan.


"Negeri itu bukan hanya menerima bekalan vaksin lebih teta-

pi sudah memulakan proses pemindahan dan set perubatan dari negeri yang tidak lagi perlukan set dan tenaga kerja berlebihan.

"Ia bertujuan memastikan kes harian dan bilangan rakyat yang terpaksa dimasukkan ke hospital atau bergejala serius serta kes kematian dikurangkan," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA


KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



Kategori 1 Tanpa gejala
Kategori 2 Gejala ringan
Kategori 3 Jangkitan paru-paru
Kategori 4 Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen
Kategori 5 Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPRC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 1 September 2021

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	1,765,016	PULIH:	1,482,800	ICU:	1,007	KEMATIAN:	16,942	KES BAHARU:	18,762	SUDAH DIVAKSIN:	34,752,340
---------------------	-----------	--------	-----------	------	-------	-----------	--------	-------------	--------	-----------------	------------

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

CHANGES TO COME

KHAIRY PROMISES DATA TRANSPARENCY, SIMPLER S.O.P.

Health Ministry to release more in-depth Covid-19 data to help people understand situation

NOR AIN MOHAMED RADHI
AND VEENA BABULAL
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

HEALTH Minister Khairy Jamaluddin, in his first media briefing yesterday, promised to be more transparent with Covid-19 data, implement less complicated standard operating procedures (SOP) and reduce brought-in-dead (BID) cases.

He said more data and information would be released to the public to help them understand the situation better.

"We will start releasing a variety of data that is in-depth. This would be granular data which we provide openly to all so that they see beyond the data provided so far."

Khairy expressed gratitude to Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah for the data that has been provided, especially on Github, an open source platform.

"But I have made a commitment that the work culture of the Health Ministry from now on will be more transparent so that the question of trust in the government and the ministry's response to the pandemic can be addressed.

"There will be, no more accusations of secrecy or information block," he said on the back of criticism levelled against the ministry by experts on the lack of granular data as well as allegations that it was operating in secret.

Present were Dr Noor Hisham and his deputy, Datuk Dr Chong Chee Keong.

Khairy said as Covid-19 would eventually become endemic, Malaysia had to inevitably move

with the times and switch from total containment to embrace the reality that the virus was here to stay.

"Even if we succeed in controlling the pandemic in terms of infections, deaths or admissions, we have to be prepared to live with the virus. This is consistent with the approach of other countries, which has switched from total containment to an endemic phase."

He said with vaccination efforts and the inculcation of behavioural change in terms of the continuous practice of SOP, Malaysia, too, could prepare to enter the endemic phase, which would allow economic sectors to reopen and the people to resume life under a new normal.

"The government will announce some steps to simplify the SOP so that when we enter this phase, we can have a clear SOP that everyone understands and can practise."

Khairy said in preparation for this phase, the government needed the public to follow the SOP as part of the new normal, adding that the ministry would not drop the face mask mandate after taking note of the situations in other countries that relaxed mask rules.

He was referring to the surge in cases and variants that followed the relaxation of face mask rules after the global vaccination drive peaked.

"Malaysia will be vigilant and the face mask will stay. We will continue the immunisation plan to ensure that as many people as possible are vaccinated."

He said home quarantines must be enforced with full individual responsibility under this phase.

This includes people identified as close contacts, casual contacts, person under surveillance and suspected and confirmed cases.

"Unless they have to seek emergency medical treatment, they have to stay at home while waiting for their results once they are screened and tested, especially if they are close contacts.

"When we switch to this phase, it is important that we take personal responsibility for our home



quarantine. If we can't do this, we cannot live with the virus safely."

Khairy quashed claims that all overseas travellers could directly be quarantined at home.

"Up to Aug 10, 20,000 people have applied for home quarantine. But we do not grant home quarantine to everyone. So far, the ministry has approved only 4,159 applications and this is based on strict risk assessment, which includes their vaccination status, test and travel history.

"A total of 404 of them are using the digital bracelet to monitor home quarantine. Once we complete this pilot programme, we can roll this out to more people."

He said efforts like the Greater Klang Valley Task Force would be applied to states with high Covid-19 cases, namely Sabah, Johor, Kedah, Penang and Kelantan.

"These states will be receiving more vaccines, along with transfer of medical personnel and equipment. Vaccination will also be ramped up in these states."

On reducing the number of BID cases, Khairy said while the ministry would give immediate focus

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY



People wearing face masks as they shop for groceries at a mall in Petaling Jaya, Selangor, yesterday. PIC BY AMIRUDIN SAHIB

to testing and vaccination, he urged those undergoing home quarantine to have self-discipline.

"Some of the BID cases were initially in categories 1 and 2, but somehow within a short period of time, they are in Category 5.

"It is crucial for those undergoing self-quarantine to look out for warning signs such as prolonged fever, breathing difficulties, changes in mental state, such as confusion, coughing and vomiting, as well as oxygen saturation below 95 per cent.

"Seek urgent medical treatment should you start showing these signs. Family members too, should look after them by making video calls to check on their situation. Please check on them."

Of the 278 deaths registered yesterday, 65 were BID cases.

Earlier, Khairy tweeted that the Covid-19 Immunisation Task Force would continue to be co-chaired by the health and science, technology and innovation ministers. He said the two ministers would jointly lead the Covid-19 National Immunisation Programme until the end of October.

FIRST TIME IN 8 DAYS

New Covid-19 cases fall below 19,000

KUALA LUMPUR: Malaysia recorded 18,762 new Covid-19 infections yesterday, bringing daily new cases below the 19,000 mark for the first time in eight days.

The last time daily new cases fell below 19,000 was on Aug 23 when the Health Ministry reported 17,672 infections. On Monday, 19,268 cases were recorded.

Daily new cases in the past week were almost consistently above the 20,000 mark, peaking at 24,599 on Thursday.

Yesterday's new cases bring the total number of Covid-19 infections in the country to 1,765,016.

The figures were posted on the Health Ministry's Twitter page. Selangor contributed the bulk of the new cases at 3,711. Sabah and Sarawak recorded 2,430 and

2,414 cases, respectively.

They were followed by Johor (1,993), Penang (1,762), Kedah (1,585), Kelantan (1,504), Perak (899), Pahang (715), Kuala Lumpur (573), Terengganu (506), Melaka (309) and Negri Sembilan (291).

Perlis and Putrajaya recorded double-digit infections at 33 and 34 cases, respectively. Labuan had three cases.

Up to 5pm yesterday, 278 new deaths were recorded, bringing the Covid-19 death toll in the country to 16,942.

Yesterday saw 21,073 recoveries. A total of 1,007 Covid-19 patients are in intensive care units, with 464 requiring intubation.

Meanwhile, the Enhanced Movement Control Order will be implemented in four localities in

Sabah from Sept 3 to 16 — Telupid, Keningau, Kota Marudu and Ranau.

National Security Council director-general Datuk Rodzi Md Saad said the same EMCO standard operating procedures would be implemented in those areas.

He said the EMCO in five localities in Johor and Sabah would end today following an evaluation by the Health Ministry that the Covid-19 situation in the areas had improved.

The Sabah localities are Kampung Tanjong Pagar in Sipitang, Kampung Padang Tembak in Keningau, Kampung Jawa in Tawau and Setinggalan Kampung Baru Luyang in Penampang.

The Johor locality is Ladang Sungai Kahang in Kluang.

VARIANTS OF CONCERN

Studies found 265 VOC cases between Aug 16 and 29

KUALA LUMPUR: Ongoing studies by three research institutes in the country have identified 265 Covid-19 cases involving Variants of Concern (VOCs), namely the Delta variant (B.1.617.2), from Aug 16 to 29.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the Institute for Medical Research identified 39 Delta variant cases, the Integrative Pharmacogenomics Institute of Universiti Teknologi Mara identified 48 and Universiti Malaysia Sarawak's Institute of Health and Community Medicine identified 178.

This brings the total cases involving the SARS-CoV-2 virus categorised as VOC and Variant of Interest (VOI) to 1,221.

From the total detected, 1,201 cases involve VOCs, and 20 cases involve VOIs," he said in a Facebook post recently.

He said so far, in the VOC category, there were 978 cases of the Delta variant, 209 of the Beta variant and 14 of the Alpha variant.

In the VOI category, there were 13 cases of the Theta variant, four of the Kappa variant and three of the Eta variant.

Meanwhile, Bernama reported that 15,032,301 individuals, or 64.2 per cent of the country's adult population, have been fully vaccinated against Covid-19 up to Tuesday, according to the Covid-19 Vaccine Supply Access Guarantee Committee (JKJAV).

The JKJAV said in a tweet yesterday that 19,741,754 individuals, or 84.3 per cent of the country's adult population, had received the first dose of vaccine, bringing the cumulative vaccine doses administered under the Covid-19 National Immunisation Programme to 34,752,340 up to Tuesday.

It said 60.5 per cent of the country's overall population had received the first dose of the Covid-19 vaccine, while 46 per cent had completed both doses.



Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

PREPARATION

WOMEN'S WARD NOW COVID-19 WARD

Duchess of Kent Hospital to house more Covid-19 patients who require oxygen therapy

OLIVIA MIWIL
SANDAKAN
olivia@nst.com.my

THE Duchess of Kent Hospital here has taken measures to accommodate more Covid-19 patients who require oxygen therapy.

Sabah Health director Dr Rose Nani Mudin said the state was

experiencing a serious Covid-19 infection wave.

"So the women's medical ward here, which has 38 beds, will be turned into a Covid-19 ward.

"The Duchess of Kent Hospital has 166 oxygen ports and 42 tanks with a capacity of 3,000 and 6,000 litres.

"The hospital has also acquired 10 oxygen tanks from Kinabatangan Hospital and another 20 from Beluran Hospital," she said yesterday.

Sabah recorded 2,594 cases, of which 320 were from here.

For the 14-day moving chart, Sandakan has 3,294 active cases.

Sixteen variants of concern (VOC), including nine Delta variant cases, were detected in the

state up to Aug 29.

VOCs are associated with increase in transmissibility, virulence and disease severity or decrease in effectiveness of public health effectiveness.

Dr Rose encouraged the people of Sabah to abide by the standard operating procedures and to get vaccinated to reduce the severity of Covid-19 infections.

"From our Sabah Health Department's data, 80 to 90 per cent of patients requiring intensive care unit treatment are those who have yet to be inoculated.

"Up to yesterday (Tuesday), 59.1 per cent of adults in Sabah have received one dose and 40 per cent have completed their vaccination."



Duchess of Kent Hospital in Sabah converted a women's ward into a Covid-19 ward. PICTURE COURTESY OF SABAH HEALTH DEPARTMENT

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

MOH to initiate surge capacity ops

Five states with soaring cases to get boosts in vaccine supply, says Health Minister

By JOSEPH KAOS Jr
joekaosjr@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia's Covid-19 focus will now move away from the Klang Valley to five other states that are facing a surge in infections.

Sabah, Johor, Kedah, Penang and Kelantan will receive boosts in terms of vaccine supply and human resources in an effort to bring their Covid-19 numbers down, said Health Minister Khairy Jamaluddin.

He said the ministry would be using its experience with Operation Surge Capacity that had helped keep cases under control in the Greater Klang Valley.

"The ministry will be putting an immediate effort that requires a sense of urgency to ensure that Covid-19 transmission in these states can be curbed as soon as possible.

"We saw how the establishment of the Greater Klang Valley Task Force and Operation Surge Capacity managed to keep the infection in the Klang Valley under control.

"We will bring the same level of focus and intensity to Sabah, Johor, Kedah, Penang and Kelantan which are facing an uptick in cases.

"The vaccination programme in these states will be ramped up. The ministry will also transfer assets and human resources

Fielding the press: Khairy speaking to the media as Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah looks on during a press conference in Putrajaya. — Bernama



from other states that require them less, in order to support these five states," he said in his first press conference as Health Minister yesterday.

Khairy said the ministry's target in these states will be to reduce the number of daily cases, hospitalisations, critical cases, and deaths.

"This will in turn help reduce the overall Covid-19 numbers in the country," he said.

Vaccine supplies will be prioritised for the five states, with Sabah set to receive 2.9 million doses this month.

Johor is set to receive 1.9 million doses, Kedah (1.3 million), Kelantan (1.2 million) and Penang (one million).

Khairy said the ministry would also be increasing its Covid-19 testing in these states in view of the high infection rates and low vaccination coverage.

"Most of the states are recording positive rates of more than 10%. While we always emphasise the importance of testing, we will still go for a targeted approach in order to get better yield," he said.

He added that the private sector could help by getting their employees tested.

"We want companies to help us out as well. We cannot just rely on the government to do Covid-19 testing," he said.

He also said Malaysia reported no deaths caused by Covid-19 vaccines since the start of the vaccination rollout.

The National Pharmaceutical Regulatory Agency had received only a small number of reports classified as "adverse events following immunisation (AEFI)," he added.

"The rate of overall AEFI reports received is 0.53 per 1,000 doses. Out of this, 0.04 per 1,000 dose reports were categorised as serious AEFI.

"The majority of serious cases only required a short period of hospitalisation for observation and treatment.

"No deaths in the country have shown a direct link to vaccinations," said Khairy.

KJ: Malaysia to enter endemic phase by end October

PUTRAJAYA: Malaysia can start preparing its move into an endemic Covid-19 phase by the end of October, with more people being fully vaccinated.

Health Minister Khairy Jamaluddin said the people must begin to accept that Covid-19 was here to stay and that it was time to "live with the virus".

Sectors that had to be closed due to Covid-19 containment efforts will eventually have to be reopened even though the virus is still present.

"In the next two months, 80% of the popu-

lation will be vaccinated. In the case of Labuan and to a lesser extent, Sarawak, they are already in an endemic phase.

"So I can say by the end of October, we will reach a phase where we will start living with the virus.

"Right now, there are some states that are still in mitigation and containment mode. But by the end of October, we will be starting to live with the virus," he said at a press conference yesterday.

Khairy said being in an endemic phase would see more sectors reopened with new

Covid-19 norms being practised.

The ministry, he said, would continue to make mask-wearing mandatory for the foreseeable future.

"We have seen how some countries had to make mask-wearing compulsory again following the emergence of more contagious variants. So we will retain the mask-mandate," he said.

As part of moving into the endemic phase, he said Malaysia would introduce a national testing strategy in which the public would undergo Covid-19 tests on a regular basis.

"Once we enter the endemic phase, whether you have been vaccinated or not, you need to test yourself quite regularly.

"For this, we intend to make testing more affordable and more accessible," he said.

Khairy said that Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi would be announcing a ceiling price for self-test kits soon which had been agreed by the Cabinet.

At present, there are 11 brands of Covid-19 self-test kits that have been approved by the ministry for public use.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

Fight using localised responses

Experts say such measures are needed to tackle surges in communities

By CLARISSA CHUNG
clarissachung@thestar.com.my

PETALING JAYA: The Covid-19 battleground has now shifted to states outside the Klang Valley that are facing a growing number of infections.

Besides speeding up the vaccination programme, health experts called for urgent measures to clamp down on such cases.

Universiti Malaya professor of epidemiology and public health Prof Dr Sanjay Rampal said strategies must be tailored and localised to the specific communities within a region.

"It is important to establish clear, responsive and engaging communications with the local community.

"The current rise in cases is unique in that each region may have engaged in a different manner due to differences in local communities.

"For instance, communities in rural Sabah will have different needs compared to Johor," he added.

Prof Sanjay said the healthcare systems in different areas must be on the lookout for any red flags and be ready to respond nimbly.

"The warning flags for an overwhelmed healthcare system should be derived from upstream indicators such as delayed isolation of cases and quarantine of close contacts by the district health offices, rather than lack of oxygen capacity in hospitals.

"It is already too late if we wait for the hospitals to be filled up before taking decisive mitigative action," he said.

He added that it was vital to maintain an efficient household iso-



Taking precautions: Two women attired in PPE suits waiting for their beef noodle lunch in Jalan Tun Tan Cheng Lock, Kuala Lumpur. — IZZRAFIQ ALIAS/The Star

lation and quarantine system.

The government, he said, should also consider deploying government staff from other ministries to the Health Ministry to help with Covid-19 preventive activities.

On Aug 1, Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya together made up 49.5% of total new infections recorded that day.

A month later on Aug 31, the

Klang Valley's share of daily new cases had dropped to 25.8% of the nationwide total.

In the same time period, Sabah saw the number of its cases doubling and its proportion of new infections shot up from 5.8% on Aug 1 to 12.4% on Aug 31.

Sarawak also saw its numbers quadrupling with its share of new cases increasing from 3.4% on Aug

1 to 10.9% on Aug 31, while Johor's proportion of new cases grew from 6.1% to 10.3% and its number of cases also doubled within the month.

International Islamic University Malaysia epidemiologist Prof Dr Jamalludin Ab Rahman said the government was already taking steps to stem the rise in infections in non-Klang Valley states.

For instance, while vaccination is a key tool to pandemic response, he said contact tracing efforts by the authorities must also continue.

"When there are many clusters, the trace, test and isolate process must be done. The government can mobilise relevant healthcare personnel and include assets like ambulances.

"The government should also continue to empower people to be actively involved in managing outbreaks, which includes assisting NGOs to educate the community as well as getting involved in contact tracing," he added.

Prof Jamalludin said the government is facing severe limitations in terms of vaccine supply, though it is already beginning to mobilise available stocks to high-need states.

"Next is to ensure that accessibility to the vaccination programme is evaluated on a state-to-state basis because not all states have the same problem.

"States like Sabah may need more proactive measures where the vaccination team may need to go and meet the people," he added.

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob previously said he targeted a vaccination rate of at least 50% among the adult population for the six states by the end of September.

With reports on vaccine shortages in several states, he has instructed the relevant ministries to use the vaccine stocks at hand to be deployed instead of waiting for the arrival of vaccine shipments.

The number of daily doses administered has also been dwindling, with 261,768 given out on Aug 31 compared to the 480,122 doses administered on Aug 1.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

A slight dip in daily Covid-19 numbers

PETALING JAYA: Malaysia recorded 18,762 new Covid-19 cases yesterday, bringing the cumulative total to 1,765,016.

Of the 18,762 new Covid-19 cases, Health Minister Khairy Jamaluddin said 18,432 cases were in Categories 1 and 2 while 330 cases were in Categories 3 to 5.

Of this daily total, 18,757 cases were locally transmitted while the remaining five were imported cases.

Also, 8,640 cases had no history of being vaccinated, 4,706 cases received at least one dose, while 5,416 cases had completed their

vaccination. Khairy said the country recorded 21,073 recoveries bringing the cumulative number to 1,482,800 since the outbreak began early last year.

Active Covid-19 infections now stand at 265,274 cases.

Currently, 1,007 patients are in intensive care, with 464 requiring ventilator support.

The country also recorded 278 deaths with 65 being brought-in-dead cases.

There were also 42 new clusters, bringing the cumulative active clusters in the country to 1,494.

New cases by category for Sept 1

TOTAL CASES 18,762

Category 1	8,206 cases
Asymptomatic (no symptoms)	43.7%
Category 2	10,226 cases
Mild symptoms	54.5%
Category 3	160 cases
Pneumonia (inflammation of the lungs)	0.9%
Category 4	51 cases
Pneumonia and require oxygen	0.3%
Category 5	119 cases
Pneumonia and need ventilator support	0.6%

Source: Health Ministry

TheStar graphics

More than 15 million people fully vaccinated

KUALA LUMPUR: A total of 15,032,301 people or 64.2% of the country's adult population have been fully vaccinated against Covid-19 as at Tuesday.

The Special Committee on Ensuring Access to Covid-19 Vaccine Supply (JKJAV) posted on Twitter that 19,741,754 individuals or 84.3% have received their first dose.

This brings the cumulative figure for vaccines administered under the National Covid-19 Immunisation Programme to 34,752,340 doses as at Tuesday.

JKJAV added that 60.5% of the country's overall population received the first jab of the vaccine while 46% had completed both doses.

On the daily vaccination rate, it said 261,768 doses were administered on Tuesday, with 115,473 for first-dose recipients and 146,295 for second-dose jabs.

The immunisation programme was launched on Feb 24 to curb the spread of Covid-19 in the country. — Bernama